

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
KURSUS JAWATANKUASA KEMAJUAN
KAMPUNG NEGERI TRENGGANU DI
KEMAMAN, TRENGGANU PADA 14HB MAC, 1974

Saudara Pengerusi Majlis, Y.A.B. Datuk Haji Nik Hassan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu suka saya menyatakan terimakasih kepada Jawatankuasa Sambutan atas persediaan untuk majlis petang ini dan acara sambutan yang begitu meriah bagi ketibaan saya beserta rombongan sebentar tadi.

Saya bersyukur kehadzrat Allah kerana berpeluang dalam lawatan singkat ini berjumpa dengan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah datang dari seluruh Negeri Trengganu untuk menghadhiri kursus yang penting dan mustahak ini.

Seperti yang sedia dimaklum, pada 6hb Ogos, 1972 dahulu, saya telah melancarkan satu Kempen Gerakan Pembaharuan di Negeri Trengganu ini sendiri iaitu di Dungun. Sejak pelancaran itu, berbagai kegiatan pembangunan masyarakat telah dijalankan di peringkat pusat, negeri dan daerah serta juga di peringkat kampung di mana saudara-saudara semua ahli-ahli JKK turut terlibat secara langsung dalam kegiatan-kegiatan itu. Kita bersama-sama bersyukur kepada Allah kerana hari ini melihat satu lagi kegiatan yang penting dalam bidang Gerakan Pembaharuan ini iaitu kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung peringkat Negeri Trengganu yang mana saya diberi penghormatan merasmikannya.

Hingga hari ini kempen Gerakan Pembaharuan telahpun memasuki jangka waktu sembilan belas bulan dan dalam tempoh itu sedikit sebanyak kemajuan telahpun tercapai. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti-aktiviti itu masih merupakan proses permulaan dan oleh itu perlulah usaha-usaha ini ditingkatkan lagi untuk menentukan supaya objektif-objektif Gerakan Pembaharuan dicapai dengan jayanya.

Salah satu langkah yang difikirkan penting untuk menjayakan kempen Gerakan Pembaharuan ini ialah pembentukan atau

menghidupkan semula Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebagai satu jentera pelaksanaan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat yang terpenting di peringkat bawah atau *grass-root level* khasnya di kampung-kampung. Untuk memberikan panduan atau *orientation* yang perlu, Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada usaha mengadakan beberapa siri kursus untuk ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung di semua peringkat agar mereka dapat memberikan khidmat dan sumbangan yang sempurna. Kursus seperti ini telahpun diadakan di Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Pahang, Selangor, Johor dan saya difahamkan juga setelah mengadakan kursus peringkat negeri beberapa negeri sedang berusaha untuk mengadakan beberapa siri kursus selanjutnya diperingkat daerah. Dengan adanya usaha-usaha ke arah ini, saya percaya dalam tempoh yang tiada beberapa lama lagi hasrat Kerajaan hendak menjadikan Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini sebagai jentera yang terpenting di peringkat "grass-root" akan betul-betul membawa kesan kepada usaha-usaha pembangunan di seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian.

Adalah jelas kepada kita semua bahawa peranan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dalam pembangunan adalah lebih luas dan lebih bermakna jika dibandingkan dengan peranan jentera pelaksanaan Kerajaan di Peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Walaupun proses pembangunan itu meliputi semua pihak tetapi dalam konteks Gerakan Pembaharuan kegiatan-kegiatan pembangunan lebih berat ditumpukan kepada rakyat khasnya rakyat di kampung-kampung. Amatlah mustahak mereka diberi panduan dan bimbingan bagi mengubah sikap serta pandangan hidup mereka dan saya rasa peranan ini dapat dijalankan dengan berkesan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung sendiri.

Bagaimanapun, Kerajaan tidaklah ketinggalan memainkan peranannya dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat. Untuk tujuan ini, jentera pelaksanaan telah disusun semula diperingkat daerah dengan mewujudkan jawatan Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat. Dengan yang demikian, saya ingin melihat kemajuan yang lebih pesat oleh sebab kegiatan-kegiatan pembangunan masyarakat yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan Kampung masing-masing akan dapat diberikan perhatian penuh oleh Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat itu.

Saya ingin juga memberitahu di sini bahawa proses pembangunan masyarakat hanya merupakan sebahagian daripada proses pembangunan negara pada seluruhnya. Dalam pada itu patutlah diingat proses pembangunan masyarakat adalah diselaras-kan dengan Dasar Ekonomi Baru yang pada jangka panjangnya akan menjamin kesetabilan dan harmoni antara kaum di negara kita yang berbilang bangsa ini. Saya percaya matalamat Dasar Ekonomi Baru itu difahami sepenuhnya dan untuk mencapai objektif inilah maka Kerajaan menubuhkan agensi-agensi baru seperti UDA, PERNAS, FELCRA, SEDC dan Lembaga Pertubuhan Peladang selain daripada agensi-agensi yang sedia ada supaya memberikan kemudahan-kemudahan kepada rakyat di kampung-kampung yang miskin dan masih lagi serba ketinggalan berlumba mengejar kemajuan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menerusi agensi-agensi itu membukakan peluang yang lebih luas untuk direbut oleh rakyat terutama mereka yang belum mendapat peluang dahulu. Tetapi masalah yang masih terdapat kini ialah di kalangan masyarakat bumiputra yang tampil ke hadapan untuk merebut kemudahan-kemudahan itu adalah masih kecil bilangannya. Saya harap ramai lagi akan mara ke hadapan untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu. Di sinilah mustahaknya perubahan sikap dan pandangan hidup yang dimaksudkan dalam Gerakan Pembaharuan, yakni, kita perlu mengubah sikap untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu demi kepentingan dan kemajuan kita sendiri dan juga masyarakat.

Saudara-saudara sekalian.

Kerajaan bersedia mengambil apa jua langkah untuk menggalakkan rakyat mengambil bahagian dalam usaha-usaha pembangunan supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Pada kesempatan ini saya ingin mengumumkan bahawa sebagai langkah untuk membantu mereka yang bergantung hidup kepada penanaman getah, Kerajaan telah memutuskan supaya kadar bantuan bagi penanaman semula untuk pekebun-pekebun kecil dinaikkan dari \$750 kepada \$900 seekar. Saya ingin menyeru pekebun-pekebun kecil yang belum bertanam semula supaya menyambut baik peluang ini bagi mengusahakan tanaman semula getah yang baik bakanya dan lebih menguntungkan. Saya berharap ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung manakala pulang kelak akan giat menggalakkan pekebun-pekebun kecil di kampung

masing-masing mengusahakan tanaman semula kebun getah mereka dengan adanya keputusan Kerajaan menaikkan bantuan itu.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping kegiatan-kegiatan ekonomi yang saya sebutkan itu banyak pula masalah hidup yang perlu diatasi. Misalnya aspek-aspek pelajaran dan kesihatan yang dititikberatkan dalam Gerakan Pembaharuan ada hubungan rapat dengan pembangunan ekonomi. Saya suka menyentuh masalah kesihatan yang dihadapi oleh penduduk luar bandar amnya dan Negeri Trengganu khasnya, di mana terdapat kadar kematian bayi yang sangat tinggi peratusnya. Menurut kajian yang telah dijalankan pada tahun 1970 daerah-daerah Marang, Kuala Trengganu, Besut, Dungun, Ulu Trengganu dan Kemaman sendiri adalah termasuk dalam lingkungan daerah yang teruk mengalami masalah ini. Malahan, daripada daerah-daerah yang telah saya sebutkan itu, empat daripadanya termasuk dalam kumpulan sepuluh daerah yang paling teruk sekali mengalami masalah kematian bayi di Semenanjung Malaysia ini, iaitu Ulu Trengganu 16.3%, Kemaman 8.58%, Dungun 8.08% dan Besut 8.01%.

Masalah ini timbul akibat dari kurang pengetahuan mengenai nilai-nilai kesihatan yang wajar dan juga amalan pemakanan di kalangan penduduk kampung amnya dan khususnya di kalangan penduduk di daerah-daerah yang berkenaan itu. Kerajaan memandang berat atas perkara ini dan sedang mengatur rancangan untuk melaksanakan projek Amalan Nilai Pemakanan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah dalam daerah-daerah berkenaan di Negeri Trengganu ini. Saya telah mengarahkan supaya projek Amalan Nilai Pemakanan ini dilaksanakan ke semua daerah yang berkenaan seberapa segera. Saya juga berharap saudara-saudara semua ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan kampung akan memainkan peranan mempengaruhi dan melibatkan rakyat dalam projek-projek yang akan dilaksanakan itu kelak demi kebajikan dan kebaikan mereka sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping mengadakan Kursus seperti ini, satu cara lagi yang menunjukkan kesungguhan Kerajaan membangun rakyat ialah dengan mengadakan Pesta Pembangunan. Setakat ini

beberapa buah negeri telah mengadakan Pesta Pembangunan yang menunjukkan usaha-usaha Kerajaan ke arah mencapai matalamatnya. Pesta Pembangunan peringkat kebangsaan yang kedua akan di adakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur mulai 12hb April akan datang. Pesta itu yang dirancangkan menurut cara pemikiran dan pandangan baru mengenai pembangunan masyarakat akan menunjukkan dengan lebih jelas keazaman Kerajaan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan dan juga bagaimana "integrated approach" yang ditekankan dalam Gerakan Pembaharuan itu dapat diamalkan oleh semua pihak yang berkenaan. Saya diberitahu ada di antara saudara-saudara akan dijemput menyaksikan pesta tersebut sebagai lanjutan daripada kursus ini. Oleh itu adalah menjadi harapan saya agar pengetahuan yang saudara-saudara perolehi daripada kursus ini dan juga bagi saudara-saudara yang menyaksikan Pesta Pembangunan itu dapat digunakan untuk kebaikan kampung khususnya dan pembangunan negara amnya.

Akhir kata, saya dengan penuh sukacita merasmikan Kursus Jawatankuasa Kemajuan Kampung Peringkat Negeri Trengganu ini sambil berdoa mudah-mudahan usaha kita yang baik ini diberkati Allah serta mendapat sepenuh kejayaan.